

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 24 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**

| Bil | Tajuk  | Akhbar          |
|-----|--|-----------------|
| 1.  | Siap sedia hadapi banjir di Sarawak  | Utusan Malaysia |
| 2.  | Cuaca pagi diramal baik pada hari Krismas esok, hujan diramal petang dan malam | BERNAMA         |
| 3.  | Gempa bumi 5.9 skala richter di Ranau cetus panik rakyat Sabah pada 2015       | BERNAMA         |
| 4.  | Bantu rakyat tangani kos sara hidup  | Utusan Malaysia |

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 03  
TARIKH : 24 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**



AHMAD ZAHID HAMIDI menyampaikan cenderamata kepada Inonge Mutukwa Wina yang mengunjunginya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

## Siap sedia hadapi banjir di Sarawak

**PUTRAJAYA 23 Dis.** - Kerajaan telah membuat persiapan rapi dengan mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi musim tengkujuh yang dijangka melanda Sarawak pada tahun ini menggunakan kaedah pengurusan banjir di Ke-

gara (APBN) di Sarawak bersiap sedia menghadapi bencana tersebut.

"Kerajaan amat khutir dengan ramalan cuaca di Sarawak dan telah meminta supaya kaedah Kemaman digunakan sebagai acuan bagi menghadapi bencana banjir," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, persiapan yang rapi telah dilakukan selepas ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mendapat terdapat kemungkinan beberapa kawasan di negeri tersebut bakal berhadapan dengan cuaca buruk.

"

Pada masa sama, saya juga telah meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kasim serta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek membantu pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agenzi Pengurusan Bencana Ne-

minta supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri memantau kawasan yang berisiko tinggi di negeri masing-masing.

Beliau berkata, kemalangan tersebut dapat dielakkan sekiranya pihak berkenaan menyediakan maklumat dan amaran lengkap mengenai bahaya di kawasan tersebut ketika musim monsun dan lain-lain.

"Kita berharap tanda amaran diletakkan supaya pengunjung terabit dapat mengelak daripada mengunjungi kawasan berkenaan. Kalau mereka hendak mengunjungi juga tempat tersebut, tanda amaran mengenal keadaan angin monsun dan arah tiupan angin perlu disediakan bagi mengelakkan percutan bersama keluarga berakhir dengan tragedi," katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**



## **Cuaca Pagi Diramal Baik Pada Hari Krismas Esok, Hujan Diramal Petang dan Malam**

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Cuaca di seluruh negara pada keseluruhannya diramal baik pada waktu pagi sambutan Hari Krismas esok tetapi diramal hujan pada sebelah petang dan malam.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, keadaan cuaca di kebanyakan tempat di seluruh negara pada sebelah pagi dijangka baik kecuali di beberapa kawasan pantai di Terengganu, Kelantan, Pahang, Kudat dan Sandakan yang diramalkan hujan.

Sementara pada sebelah petang, ribut petir dijangka berlaku di beberapa kawasan di seluruh Semenanjung serta beberapa bahagian di Sarawak iaitu Kuching, Samarahan, Sarikei, Betong, Mukah, Sibu, Bintulu , Miri, Limbang dan Kapit.

Kenyataan itu turut menyebut, kawasan di pedalaman dan pantai barat Sabah juga dijangka mengalami ribut petir di satu dua tempat.

Pada sebelah malam pula, beberapa kawasan di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Selangor serta di beberapa bahagian di Kuching, Samarahan, Kapit, Miri dan Limbang dijangka mengalami hujan.

Beberapa kawasan di bahagian pedalaman dan pantai barat di Sabah turut dijangka mengalami hujan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**



## **Gempa Bumi 5.9 Skala Richter Di Ranau Cetus Panik Rakyat Sabah Pada 2015**

KOTA KINABALU, 24 Dis (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter di Ranau, 5 Jun lepas menjadi tragedi hitam luar jangka yang menggemparkan negara, meragut 18 nyawa termasuk pendaki dan malim gunung serta mencetuskan perasaan panik rakyat Sabah pada 2015.

Gempa bumi pada 7.15 pagi Jumaat itu dicatatkan sebagai paling kuat pernah berlaku di Malaysia, dalam tempoh 39 tahun sejak 1976, sekali gus mengatasi rekod gempa bumi terkuat berukuran 5.8 skala Richter di Lahad Datu pada 1976.

Pusat gempa itu yang terletak 16km barat laut Ranau, turut dirasai penduduk yang berada di kawasan lain termasuk Ranau, Kundasang, Tambunan, Pedalaman, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud.

Kesan tragedi itu antara lain mengakibatkan satu daripada ikon puncak Gunung Kinabalu iaitu 'Donkey's Ears', batu menyerupai sepasang telinga keldai, patah selain berlaku kerosakan harta benda dan keretakan bangunan.

Sebelum kejadian gempa bumi berlaku, media tempatan melaporkan sekumpulan pendaki dari negara Barat bertindak menanggalkan pakaian masing-masing apabila berjaya tiba di puncak Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara itu.

Tindakan tidak beradab pelancong berkenaan membangkitkan kemarahan rakyat Sabah kerana mereka tidak menghormati adat resam tempatan termasuk kesucian dan semangat yang wujud di Gunung Kinabalu.

Pada 12 Jun, Mahkamah Sesyen di sini menjatuhkan hukuman penjara tiga hari terhadap empat daripada pelancong terbabit mulai tarikh tangkap (pada 9 Jun) dan denda RM5,000 atau tiga bulan penjara atas perbuatan mereka.

Ketangkasan malim gunung yang mahir selok-belok di Gunung Kinabalu banyak membantu pasukan keselamatan dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) 137 pendaki yang terkandas dan terkorban untuk dibawa turun dari gunung setinggi 4,095.2 meter itu.

Daripada 18 mangsa yang terkorban dalam kejadian gempa bumi itu, 10 adalah warga Singapura, termasuk pelajar dan guru Sekolah Rendah Tanjong Katong dan seorang jurupandu pengembaraan, yang membuat lawatan ke Gunung Kinabalu.

Rentetan daripada peristiwa itu, kerajaan berpendapat sebuah pusat pemantauan gempa bumi perlu diwujudkan sebagai kesiapsiagaan menghadapi bencana itu, kerana kerana Malaysia khasnya di Sabah masih belum mempunyai pusat khusus untuk mengesan gempa bumi.

Kajian Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapati walaupun Sabah terletak di luar Lingkaran Api Pasifik namun Kundasang, Ranau, Pitas, Lahad Datu, Kunak dan Tawau berisiko kejadian gempa bumi.

**Jabatan Meteorologi** melaporkan jabatan itu merekodkan 100 gegaran susulan berlaku selepas gempa bumi pada 5 Jun, dan ini termasuk gempa bumi berukuran 5.1 skala Richter, pada awal pagi 13 Jun.

Gegaran susulan yang kuat ditambah pula dengan hujan, mengakibatkan banjir lumpur dan menjaskan hampir 1,000 penduduk di Kundasang, Ranau dan Kota Belud selain gangguan bekalan air di kawasan terbabit dan kerajaan menganggarkan lebih RM100 juta diperlukan bagi kos membaiki kerosakan bangunan dan infrastruktur.

Peranan malim gunung sebagai jurupandu arah berpengalaman di Gunung Kinabalu diiktiraf apabila dipilih menyertai Pasukan Bantuan Mencari dan Menyelamat di Gunung (MOSAR).

Aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu yang ditutup sementara waktu bagi kerja-kerja pembaikan kini dibuka semula kepada orang ramai, namun bilangan pendaki dihadkan kepada 100 hingga 120 orang sehari, untuk tempoh dua bulan bagi pendakian percubaan mulai 1 Dis lepas.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 25**  
**TARIKH : 24 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**

## Bantu rakyat tangani kos sara hidup

**KUALA LUMPUR 23 Dis.** - Syarikat-syarikat korporat disereturun padang untuk bersama-sama membantu meringankan beban rakyat ekoran kos sara hidup yang semakin meningkat di negara ini.

Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Ahmad Fauzi Zahari berharap program-program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti majlis sumbangan dan bantuan kepada mangsa bencana dapat diadakan dengan lebih kerap bagi membantu golongan berkenaan.

"Sekarang ini bermacam jenis kos barang dan perkhidmatan telah dikenakan, rakyat sudah mulai terbeban. Jadi tidak ada salahnya untuk mereka memperuntukkan sedikit sumbangan kepada masyarakat bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penyampaian peralatan persekolahan kepada 500 murid dan pelajar dari 26 buah sekolah di dalam kawasan Parlimen Setiawangsa di sini baru-



**Sekarang ini bermacam jenis kos barang dan perkhidmatan telah dikenakan, rakyat sudah mulai terbeban. Jadi tidak ada salahnya untuk mereka memperuntukkan sedikit sumbangan kepada masyarakat bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik."**

**AHMAD FAUZI ZAHARI**  
**Ahli Parlimen Setiawangsa**

baru ini.

Majlis tersebut adalah julung-julung kali dianjurkan UEM Group Berhad (UEM) dengan kerjasama

| Waktu Solat  |       |      |         |       |  |
|--|-------|------|---------|-------|--|
| SUBUH  | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |  |
| <b>KUALA LUMPUR</b><br>dan kawasan sejakutinya   |       |      |         |       |  |
| 5:53   | 1:15  | 4:38 | 7:11    | 8:26  |  |
| <b>GOMBAK, HULU SELANGOR,<br/>RAWANG, HULU LANGAT, SEPANG,<br/>PETALING, SHAH ALAM</b> |       |      |         |       |  |
| 5:53   | 1:15  | 4:38 | 7:11    | 8:26  |  |
| <b>SABAK BERNAM, K.SELANGOR,<br/>KLANG, KUALA LANGAT</b>                               |       |      |         |       |  |
| 5:56   | 1:17  | 4:29 | 7:13    | 8:28  |  |
| <b>TANJUNG MALIM</b>   |       |      |         |       |  |
| 5:56   | 1:17  | 4:39 | 7:12    | 8:27  |  |

Technology Park Malaysia Sdn. Bhd. (TPM) yang membabitkan peruntukan kira-kira RM85,000.

Antara bantuan barang persekolahan disampaikan adalah alat tulis dan beg serta sumbangan wang sebanyak RM100 setiap seorang.

Ahmad Fauzi yang juga Pengurus TPM berharap majlis seumpama itu akan terus diadakan pada masa depan.

"Saya berharap dan berdoa supaya dapat mengumpul lebih banyak peruntukan untuk membantu ramai murid dan pelajar yang kurang bernasib baik khususnya di kawasan Parlimen Setiawangsa," katanya.



**AHMAD FAUZI ZAHARI** (tiga dari kanan) menyerahkan beg sekolah kepada salah seorang murid di Kuala Lumpur baru-baru ini. - UTUSAN/ZAKARIA IDRIS